

# Pemudah diberi enam bulan buat perubahan

Jawatankuasa 3P ditubuh tangani masalah dalaman: PM

BH - 9/2/2007

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) dianggotai 23 profesional sektor awam dan swasta, diberi tempoh enam bulan untuk membuat perubahan bagi menambah baik sistem penyampaian kerajaan dan merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi membantu Pemudah, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam turut mengumumkan penubuhan satu lagi badan dikenali Jawatankuasa 3P (Penyelarasan, Pelaksanaan dan Penyampaian Perkhidmatan) khusus menangani segala permasalahan dalaman sektor awam.

Perdana Menteri juga mengarahkan setiap jabatan menggerakkan indeks pencapaian, seperti Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan program dan projek kerajaan.

"Insha-Allah, tindakan diambil Pemudah dan Jawatankuasa 3P ini akan memberi kesan lebih baik kepada usaha yang sedang dibuat.

"Ini yang kita nak laksanakan ber-sungguh-sungguh tahun ini. Di sam-

ping pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan terus berjalan, kita akan perbaiki prestasi sambil laksanakan semua projek lain," katanya pada sidang media selepas lawatan rasmi pertama Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahira di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Ketibaan Seri Paduka di Dataran Perdana kira-kira jam 10.30 pagi di sambut Abdullah; Timbalan Perdana

**“Mesti lakukan sesuatu... tak boleh kata tiada apa. Kita tidak boleh mencapai sesuatu, tiada apa berlaku... mana boleh macam itu. Anda boleh melakukannya”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Baginda kemudian mendengar taklimat kira-kira sejam yang disampaikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan sebelum bergambar di pekarangan Bangunan Perdana Putra.

Kelmarin, Abdullah yang juga Menteri Kewangan mengumumkan senarai 23 anggota Pemudah yang diketuai bersama Mohd Sidek dan Presiden Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Datuk Yong Poh Kon.

Pemudah akan mengenal pasti dan mencadangkan langkah penambahbaikan terhadap prosedur, peraturan dan undang-undang kerajaan untuk memudahkan pengendalian perniagaan di negara ini.

Badan itu akan dibantu sembilan wakil swasta meliputi pelbagai cabang perniagaan dan 12 wakil sektor awam dari beberapa kementerian serta agensi berkaitan perniagaan dan perindustrian.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai Pemudah, Abdullah berkata, badan itu perlu mencapai sesuatu dalam masa sesingkat yang boleh.

"Saya berharap ia akan dapat mencapai sesuatu kemajuan yang dapat

dilihat dengan jelas atau dirasai dengan jelas, dalam masa sesingkat boleh. Saya akan beri mereka masa enam bulan untuk melakukan perubahan.

"Mesti lakukan sesuatu... tak boleh kata tiada apa (boleh dilakukan). Kita tidak boleh mencapai sesuatu, tiada apa berlaku... mana boleh macam itu. Anda boleh melakukannya," katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa 3P yang turut dipengerusikan Mohd Sidek dan dianggotai pegawai kanan beberapa jabatan akan membantu dan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

Menjawab pertanyaan, Abdullah berkata, jika perlu dilakukan rombakan membabitkan ketua jabatan, maka kerajaan akan berbuat demikian bagi memastikan segala program dan projek berjalan lancar kerana prestasi mereka akan diukur.

"Indeks ini seperti juga KPI. Kita menentukan indeks bagi pencapaian kemajuan dalam pelbagai bidang. Ia termasuk indeks persepsi ditentukan kita sendiri umpamanya berkaitan rasuah, sistem penyampaian awam, nilai pelaksanaan amalan budi bahasa, amalan dan tanggungjawab sosial," katanya.